

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ  
BIN TUN DR. MAHATHIR [ JERLUN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan usaha membantu Kedah kekal sebagai '*Food Security*' kepada negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Menyedari negeri Kedah sebagai kawasan jelapang padi utama negara, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) komited untuk melaksanakan pelbagai program ke arah peningkatan hasil bagi meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras negara serta meningkatkan pendapatan pesawah.

MAFI melalui Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah merancang program berikut untuk dilaksanakan di Kawasan Muda bagi mengekalkan Kedah sebagai penyumbang utama pengeluaran padi negara ke arah jaminan sekuriti makanan:

1. Program Penanaman Padi Skala Besar (PPSB).
  - (a) Bermula pada tahun 2020, pihak MADA memperkenalkan pengurusan projek estet padi melalui penanaman padi skala besar kepada pesawah. Pendekatan program ini adalah berbentuk penyatuan pengurusan pelaksanaan operasi persawahan oleh badan pengurusan projek (terdiri daripada sama ada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), usahawan padi, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) ataupun pihak swasta).

- (b) Pesawah akan menyerahkan pengurusan tanah sawah mereka untuk diuruskan aktiviti penanaman padi oleh pihak berkaitan dan akan menerima manfaat berdasarkan model pengurusan sawah yang telah dipersetujui.

2. Pembangunan infrastruktur tersier sebagai langkah meningkatkan kepadatan infrastruktur.

- (a) Pembangunan infrastruktur tersier berperanan untuk meningkatkan kepadatan infrastruktur pertanian melalui pembinaan taliair, parit serta jalan ladang daripada 18 meter/ hektar kepada 30 meter/ hektar. Di bawah Projek Pemacu Pertanian (PPP), sejumlah 43 blok pengairan akan dibangunkan sistem pengairan tersier bermula daripada Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sehingga Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12).
- (b) Sehingga 30 Jun 2020, empat (4) buah blok pengairan telah siap dibangunkan, 10 buah blok pengairan sedang dalam peringkat pembangunan dan 29 buah blok pengairan lagi sedang dalam peringkat pengambilan tanah. Bagi blok pengairan yang telah mencapai 80% pengambilan tanah, kerja-kerja pembinaan boleh ditawarkan kepada pihak kontraktor/ pemborong yang terpilih melalui tender terbuka.

3. Pelaksanaan program/ projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Di bawah RMKe-11, pihak MADA telah diluluskan sejumlah RM 62.8 juta peruntukan bagi melaksanakan projek khusus ke arah meningkatkan infrastruktur pertanian bagi pembangunan sektor padi dan juga bukan padi.

4. Pelaksanaan Program dan Kempen Peningkatan Hasil.

Kempen dan program pengembangan kepada golongan pesawah dilaksanakan secara berterusan sebagai langkah memberi maklumat dan pengetahuan kepada golongan sasaran. Di antara bentuk kempen yang dilaksanakan adalah seperti Kempen Pematuhan Jadual Tanaman Padi, Kempen Penggunaan Benih Padi Sah, Penggunaan *Rice Check*, kawalan perosak penyakit dan sebagainya. Sekian, terima kasih.